



## PELAN TAKAFUL MANFAAT PERUBATAN UNTUK WARGA KERJA SYARIKAT ANDA

### PENGENALAN

Pelan takaful ini menawarkan perlindungan kewangan dengan kos yang minimum bagi kakitangan syarikat anda bagi menghadapi bil perubatan yang semakin tinggi. Anda kini, boleh kekal fokus pada perniagaan anda tanpa beban pentadbiran tambahan, dan kekal memastikan kebajikan kakitangan anda terjaga.

### CIRI-CIRI UMUM

- 1) Pelan ini direka khas untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana yang mempunyai **5 hingga 150 orang kakitangan**
- 2) Menawarkan pelbagai pilihan pelan dari **perlindungan terhadap kos penghospitalan dan pembedahan serta pilihan perlindungan tambahan** untuk memenuhi keperluan kakitangan dan sesuai dengan bajet syarikat anda
- 3) Akses mudah kepada rawatan perubatan di **hospital dan klinik panel seluruh negara**
- 4) Menawarkan proses pendaftaran yang mudah. **Tiada pemeriksaan perubatan untuk syarikat dengan 11 atau lebih pekerja**. Bagi syarikat dengan kurang dari 11 pekerja, hanya memerlukan pengakuan kesihatan peribadi.

### PILIHAN MANFAAT YANG DITAWARKAN

#### A) MANFAAT ASAS PERUBATAN (Penajaan Penghospitahan dan Pembedahan)

Tawaran perlindungan pelan komprehensif penghospitalan dan pembedahan. Pelan ini menawarkan 5 pilihan dengan had tahunan keseluruhan dari serendah serendah RM 12 Ribu sehingga RM 100 Ribu.

Anda juga turut mempunyai pilihan untuk turut melindungi ahli keluarga tanggungan kakitangan.

#### B) MANFAAT PILIHAN PERUBATAN (Manfaat Pesakit Luar / Outpatient)

Tawaran pilihan tambahan perlindungan bagi rawatan pesakit luar sama ada dengan Pengamal Perubatan Am (PPA) ataupun Pengamal Perubatan Pakar (PPP)

#### C) MANFAAT ASAS HAYAT BERTEMPOH (Manfaat Kematian, Keilatan Menyuluruh dan Kekal, Keilatan Separa Kekal dan Penyakit Membawa Maut)

**Manfaat Kematian** : Bayaran sekaligus dibuat sekiranya terdapat kematian di kalangan kakitangan sebagai sokongan kewangan tambahan kepada tanggungan kakitangan.

**Manfaat Keilatan Menyuluruh dan Kekal** : Pampasan bagi kakitangan anda sekiranya kakitangan tersebut mengalami keilatan akibat daripada penyakit atau kecederaan.

**Manfaat Keilatan Separa Kekal**: Pampasan akan diberi mengikut Skala Pampasan sekiranya kakitangan anda menjadi ilat separa kekal disebabkan oleh penyakit atau kecederaan.

**Manfaat Penyakit Membawa Maut**: Manfaat ini akan dibayar sehingga maksimum RM 150 Ribu apabila kematian kakitangan anda berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh diagnosis penyakit.

#### D) MANFAAT PILIHAN HAYAT BERTEMPOH (Manfaat Penyakit Kritikal)

Dengan perlindungan penyakit kritikal, kakitangan anda mempunyai akses kepada dana yang mereka perlukan untuk membantu mereka melalui rawatan dan pemulihan.

### E) KELAYAKAN PENYERTAAN

i) Saiz kelompok pada permulaan

Pelan Manfaat	Perubatan	Hayat Bertempoh
Minimum		5 Orang
Maksimum		150 Orang

ii) Ahli-ahli yang layak

Pelan Manfaat	Perubatan	Hayat Bertempoh
Pekerja	Semua pekerja sepenuh masa dan bekerja secara aktif	
Tanggungan	Ya	Tidak Berkenaan

iii) Umur yang layak (umur akan datang)

	Pelan Manfaat	Perubatan	Hayat Bertempoh
Umur Minimum	Kakitangan	16 Tahun	16 Tahun
	Pasangan	16 Tahun	Tidak Berkenaan
	Anak-anak	15 Hari	Tidak Berkenaan
Umur Maksimum	Kakitangan	64 Tahun	64 Tahun
	Pasangan	64 Tahun	Tidak Berkenaan
	Anak-anak	18 atau 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di IPT dan tidak bekerja	Tidak Berkenaan
Umur Matang	Kakitangan	69 Tahun	Manfaat Asas : 69 Thn   Manfaat Pilihan: 65 Thn
	Pasangan	69 Tahun	Tidak Berkenaan
	Anak-anak	19 atau 24 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di IPT dan tidak bekerja	Tidak Berkenaan



**JADUAL MANFAAT DAN SUMBANGAN  
MANFAAT ASAS PERUBATAN (PENGHOSPITALAN DAN PEMBEDAHAN)  
UNTUK PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

Bil	Manfaat	Pelan 80 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 250 (RM)	Pelan 350 (RM)
<b>(A) Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan</b>						
1	Bilik dan Penginapan Hospital Harian (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilatan)	80	150	200	250	350
2	Unit Rawatan Rapi (Maksimum 30 hari bagi setiap satu keilatan)					
3	Bekalan dan Khidmat Hospital					
4	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilatan)					
5	Yuran Pembedahan			Caj Sebenar*		
6	Yuran Pakar Bius					
7	Yuran Bilik Pembedahan					
8	Pendapat Pembedahan Yang Kedua					
9	Pembedahan Harian					
10	Yuran Ambulans					
11	Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilatan)	80	100	150	180	200
12	Yuran Laporan Perubatan		80 bagi setiap satu keilatan			
<b>(B) Manfaat Pesakit Luar</b>						
1	Ujian Diagnosis Sebelum Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan atau penghospitalan)					
2	Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan atau penghospitalan)					
3	Rawatan Selepas Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari selepas discaj hospital)					
4	Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (Termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari)					
5	Rawatan Kecemasan Pergiagian Akibat Kemalangan (Termasuk rawatan susulan sehingga 14 hari)					
6	Rawatan Kanser Pesakit Luar					
7	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar					
C	<b>HAD TAHUNAN KESELURUHAN (A &amp; B)</b>	12,000	35,000	60,000	80,000	100,000
D	Perbelanjaan Pengebumian			5,000		

*Kadar Sumbangan (dalam RM)*

Pelan	80	150	200	250	350
Kakitangan Sahaja	250	350	440	500	630
Kakitangan & Pasangan	625	875	1100	1250	1575
Kakitangan & Anak-anak	625	875	1100	1250	1575
Kakitangan & Keluarga	1000	1400	1760	2000	2520

*Kadar sumbangan di atas BELUM termasuk Cukai Barang & Perkhidmatan 6%.*

**Nota Penting :**

- Caj sebenar adalah berdasarkan bayaran munasabah dan biasa diamalkan, tertakluk kepada had tahunan
- Penyertaan ke dalam polisi ini tertakluk kepada :
  - Tempoh Menunggu : Kelayakan bagi manfaat bermula daripada 30 hari selepas kakitangan yang dilindungi didaftar masuk, kecuali perlindungan kemalangan yang terjadi selepas tarikh berkuatkuasa perlindungan.
  - Penyakit-penyakit tertentu : Tiada manfaat akan dibayar bagi kemasukan ke hospital, pembedahan dan/atau caj yang ditanggung yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari Penyakit-penyakit tertentu dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya, yang timbul dalam tempoh 120 hari yang pertama bagi perlindungan Takaful untuk kakitangan yang dilindungi.
- Kelayakan minima penyertaan sesebuah syarikat ialah 5 kakitangan dan maksima 150 kakitangan. Bagi penyertaan kurang dari 10 kakitangan, setiap kakitangan dikehendaki mengisi borang "Health Declaration".
- Had umur peserta adalah 65 tahun.
- Pelan ini direka dan diunderait oleh Takaful Malaysia. Pengesahan pendaftaran adalah tertakluk kepada endorsemen pihak Takaful Malaysia Berhad
- Takaful Malaysia berhak untuk memperbaharui perlindungan pada kadar caruman yang meningkat atau tidak memperbaharui perlindungan dengan keadaan yang wajar